

**SOALAN-SOALAN LAZIM (*FREQUENTLY ASKED QUESTIONS* - FAQ)
BAGI PELAKSANAAN MODUL KURIKULUM PENDIDIKAN PEMANDU (KPP) GABUNGAN**

A. UMUM

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah inisiatif Penggabungan KPP Motosikal dan Motokar?	• Inisiatif Penggabungan KPP Gabungan mulai 29 Ogos 2025 yang telah di tetapkan oleh JPJ. • Calon memandu mulai 29 Ogos 2025 yang ingin mendapatkan lesen memandu perlu hadir sekali sahaja Kelas Teori KPP untuk semua kelas. • Bagi calon ingin tambah kelas tidak perlu melalui semula proses Teori KPP dan hanya perlu membeli buku tambahan mengikut kelas yang belum dimiliki. Contohnya, calon telah mempunyai kelas lesen B2/B dan ingin menambah kelas D/DA hendaklah membeli Buku KPP/eBook Motokar atau KPP Gabungan (Jika buku fizikal dan eBook Motokar telah habis). • Bagi kelas C permohonan baharu hendaklah menduduki Kelas Teori KPP (eBook KPP Gabungan) dan Ujian Teori KPP01. • Bagi kelas E (tidak berkaitan) telah memiliki CDL kelas D melebihi 1 tahun. • Bagi kelas jentera permohonan baharu hendaklah menduduki Kelas Teori KPP (eBook KPP Gabungan) dan Ujian Teori KPP01. Bagi permohonan tambah kelas jentera tidak perlu menghadiri kursus KPP.
2.	Apakah kelebihan kursus KPP Gabungan?	Kursus ini dapat menjimatkan masa calon memandu kerana perlu hadir Kelas Teori KPP sekali sahaja. Tidak perlu hadir kursus KPP01 kali kedua, apabila berlaku penambahan kelas lesen memandu.

3.	Apakah syarat kelayakan untuk memohon lesen memandu mulai 29 Ogos 2025 (KPP Gabungan)?	Kelas A, B2, B atau C (Motosikal) a) Berumur 16 tahun dan ke atas. b) Pengisytiharan calon tidak menghidapi apa-apa penyakit atau ketidakdayaan jasmani yang mungkin menyebabkan pemanduannya menjadi suatu punca bahaya. c) Kelas A – Calon Orang Kurang Upaya (OKU) hendaklah mendapat kelulusan pengubahsuaian kenderaan mengikut keupayaan fizikal daripada Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ. d) Kelas C – Bagi permohonan calon baharu hendaklah menduduki kelas teori Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) dan lulus ujian KPP. Kelas A1, D atau DA (Motokar) a) Berumur 17 tahun dan ke atas. b) Pengisytiharan calon tidak menghidap apa-apa penyakit atau ketidakdayaan jasmani yang mungkin menyebabkan pemanduannya menjadi suatu punca bahaya. c) Kelas A1 – Calon OKU hendaklah mendapat kelulusan pengubahsuaian kenderaan mengikut keupayaan fizikal daripada Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ. Kelas E (Motokar Berat) a) Berumur 21 tahun dan ke atas. b) Pengisytiharan calon tidak menghidap apa-apa penyakit atau ketidakdayaan jasmani yang mungkin menyebabkan pemanduannya menjadi suatu punca bahaya. c) Memiliki Lesen Memandu Kompeten (CDL) kelas D melebihi satu (1) tahun
----	--	---

	Kelas F, G, H dan I (Jentera) a) Berumur 21 tahun dan ke atas. b) Pengisytiharan calon tidak menghidap apa-apa penyakit atau ketidakdayaan jasmani yang mungkin menyebabkan pemanduannya menjadi suatu punca bahaya. c) Bagi permohonan calon baharu hendaklah menduduki kelas teori Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) dan lulus ujian KPP01. d) Bagi permohonan tambah kelas, calon terus menjalani latihan praktikal dengan memastikan Lesen Belajar Memandu (LDL) masih berkuatkuasa. Syarat Calon Orang Kurang Upaya (OKU) a) Warganegara Malaysia. b) Memiliki kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). c) Laporan pemeriksaan kesihatan yang disahkan oleh pegawai perubatan berdaftar kerajaan sahaja melalui Borang Pemeriksaan Kesihatan Pemohonan Lesen Memandu Orang Kurang Upaya iaitu pengesahan fizikal calon berhubung ketidaksempurnaan dan/ atau kecacatan fizikal, kesihatan yang baik, keupayaan mengendali dan mengawal kenderaan. d) Kenderaan latihan dan ujian calon OKU hendaklah direka bentuk dan dibina khas atau disesuaikan bagi kegunaan pemandu yang mengalami kecacatan atau ketidakdayaan jasmani (<i>physical handicap or physical disability</i>) sahaja. Kenderaan tersebut hendaklah mendapat kelulusan daripada Bahagian Kejuruteraan Automatif sebelum pendaftaran kemasukan ke Kelas Teori KPP, latihan KPP02/ KPP03 dan ujian memandu. e) Bagi kategori OKU yang tidak memerlukan ubahsuai kenderaan seperti pekak, bisu, masalah pembelajaran atau kurang upaya pelbagai (tidak menjejaskan keupayaan pemanduan) yang disahkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), boleh meneruskan latihan dan ujian seperti calon biasa. Nota: Syarat-syarat tambahan yang akan ditentukan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dari semasa ke semasa.
--	--

4.	Apakah kelas lesen yang terlibat di bawah Inisiatif ini?	• Semua kelas lesen memandu kecuali kelas E (Rujuk soalan bilangan 3).
5.	Adakah KPP Gabungan lebih menjimatkan masa berbanding mengambil lesen secara berasingan?	Ya, kerana calon hanya perlu menghadiri satu Kelas Teori KPP (Gabungan) bagi semua kelas lesen kecuali kelas E.

B. PENDAFTARAN CALON

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bagaimanakah pendaftaran calon KPP Gabungan di IM mengikut kategori calon dan jenis kelas lesen memandu yang dipohon?	Institut memandu hendaklah merekod setiap calon belajar memandu yang ingin mendapatkan lesen memandu baharu atau tambah kelas dengan memastikan rekod teratur dan betul untuk rujukan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia. IM hendaklah mengikut kategori calon dan jenis kelas lesen yang dipohon seperti berikut: a) Calon normal hendaklah didaftarkan sebagai KPP Normal dan memastikan calon yang didaftarkan membuat pengisytiharan kesihatan dalam sistem iaitu “Saya Mengesahkan Bahawa Saya Tidak Ada Ketidaksempurnaan Dan / Atau Kecacatan Fizikal. b) Calon Orang Kurang Upaya (OKU) fizikal hendaklah didaftarkan sebagai KPP Khas dan memastikan dokumen kad OKU serta Laporan Pemeriksaan Kesihatan (OKU) dengan menggunakan Borang Pemeriksaan Kesihatan Permohonan Lesen Memandu Orang Kurang Upaya dimuat naik dalam sistem pendaftaran (kenderaan yang perlu diubahsuai). Nombor plat kenderaan OKU yang telah diubahsuai hendaklah direkodkan di dalam sistem dan dipaparkan dalam Borang SM4.

		c) Calon Orang Kurang Upaya (OKU) bagi kategori seperti pekak, bisu, masalah pembelajaran atau kurang upaya pelbagai yang disahkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hendaklah didaftarkan sebagai KPP Khas dan memastikan dokumen kad OKU serta Laporan Pemeriksaan Kesihatan (OKU) dimuat naik dalam sistem pendaftaran (kenderaan yang tidak perlu diubahsuai). Nota : IM hendaklah memastikan calon tiada senarai hitam JPJ/ PDRM/ Agensi sebelum permohonan dibuat bagi semua kategori
2.	Adakah orang yang tidak memiliki apa-apa lesen memandu dan ingin memohon kelas C atau kelas F/G/H/I perlu menghadiri kelas Teori KPP Gabungan?	Ya perlu. (Rujuk soalan A. UMUM bil. 3)
3.	Bolehkah calon baharu yang mendaftar mulai 29 Ogos 2025 membeli Buku Teks KPP atau eBook KPP Motosikal/ Motokar?	Tidak boleh. Mulai 29 Ogos 2025 calon hendaklah membeli eBook KPP Gabungan kerana terdapat perubahan modul teori untuk rujukan calon. Calon akan memiliki ID KPP Gabungan yang mempunyai nombor siri yang berdaftar dalam sistem mySIKAP dan soalan ujian KPP01 merujuk kepada buku KPP Gabungan.

4.	Bagi calon baharu yang mendaftar Teori KPP Gabungan dan mohon kelas B2 serta selesai dalam tempoh 3 bulan. Calon ini ingin menambah kelas DA adakah calon perlu membeli <i>ebook</i> KPP Gabungan?	Tidak perlu.
5.	Calon baharu mohon kelas B2 semasa pendaftaran KPP Gabungan. Adakah calon perlu menduduki kelas teori KPP Gabungan walaupun calon tidak memohon kelas DA?	Ya perlu, kerana KPP Gabungan mengandungi modul teori KPP motosikal dan motokar serta tidak perlu hadir kelas teori KPP semula apabila penambahan kelas DA.
6.	Adakah Buku Teks KPP (Motokar/ Motosikal) dan <i>eBook</i> KPP (Motokar/ Motosikal) masih boleh digunakan selepas 29 Ogos 2025?	Ya, bagi calon yang ingin tambah kelas selepas 29 Ogos 2025. Bagi calon ingin tambah kelas tidak perlu melalui semula proses Teori KPP dan hanya perlu membeli buku tambahan mengikut kelas yang belum dimiliki. Contohnya, calon telah mempunyai kelas lesen B2/B dan ingin menambah kelas D/DA hendaklah membeli Buku Teks KPP (Jika ada stok di JPJ/IM). Jika buku teks fizikal telah habis boleh digantikan ebook KPP Motokar (dalam stok IM).
7.	Berapa lamakah tempoh sah laku sijil KPP Gabungan, jika saya telah menduduki KPP Gabungan dan berjaya mendapatkan lesen memandu kelas B2. Adakah had tempoh masa untuk saya membuat tambah kelas DA?	Tiada had tempoh sah laku sijil KPP Gabungan (JPJL2A). Bagi calon untuk tambah kelas, perlu tambah satu kelas dalam LDL dengan bayaran RM5.

C. KELAS TEORI KPP DAN UJIAN KPP

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bolehkah kelas Teori KPP Gabungan terdapat calon B/B2 dan D/DA dalam satu kelas?	Boleh.
2.	Adakah bilangan calon bagi setiap kelas KPP Gabungan masih sama 50 orang?	Ya, masih kekal mengikut ketetapan sedia ada. (Rujuk Garis Panduan Prosedur Pelaksanaan Modul Teori Kelas Kurikulum Pendidikan Pemandu, Latihan Amali Dan Praujian Bagi Kelayakan Mendapatkan Lesen Memandu Di Institut Memandu).
3.	Jika saya ada lesen B2 sebelum 29 Ogos 2025, adakah saya perlu hadir Kelas Teori untuk lesen D pada 29 Ogos 2025?	Tidak perlu menghadiri kelas teori KPP dan hanya perlu membeli Buku Teks KPP (Jika ada stok di JPJ/IM). Jika buku teks fizikal telah habis boleh digantikan <i>ebook</i> KPP Motokar (dalam stok IM).
4.	Jika saya mempunyai LDL kelas B2, bolehkah saya menambah kelas D dalam LDL kemudian tanpa perlu ulang KPP01?	Sebelum 29 Ogos 2025 - Tambah kelas D dalam LDL perlu bayar RM5 dan membeli Buku Teks KPP (Jika ada stok di JPJ/IM). Jika buku teks fizikal telah habis boleh digantikan <i>ebook</i> KPP Motokar (dalam stok IM). Selepas 29 Ogos 2025 - Tambah kelas D dalam LDL perlu bayar RM5 dan menggunakan buku Teori KPP Gabungan yang sedia ada tanpa menghadiri Teori KPP01.

5.	Adakah soalan ujian teori KPP Gabungan sama dengan soalan ujian teori KPP terdahulu?	Kandungan soalan ujian teori KPP Gabungan adalah lebih mudah difahami dengan merujuk kepada modul KPP Gabungan. Terdapat sedikit penambahan modul berkaitan iaitu Bab 2 : Kod Etika dan Tatakelakuan Pemandu.
6.	Jika saya gagal ujian teori KPP, berapa kali saya boleh mengulang?	a) Calon yang gagal Ujian Bahagian 1 (Berkomputer) telah melebihi tiga (3) kali, boleh memohon untuk menjalankan ujian bertulis di JPJ Negeri/ Cawangan. b) Sekiranya calon masih gagal ujian bertulis sehingga JPJL2A tamat tempoh (1 tahun) dan calon tidak dibenarkan menduduki ujian lisan/ lembam. Calon hendaklah membuat permohonan baru melalui KB(M) Negeri untuk menduduki Kelas Teori KPP Khas di JPJ Negeri/ Cawangan. c) Bagi calon yang masih gagal ujian bertulis dan JPJL2A masih berkuatkuasa, calon hendaklah membuat permohonan melalui KB(M) Negeri untuk menjalani ujian lisan.
7.	Soalan ujian teori KPP Gabungan akan melibatkan motokar dan motosikal?	Ya.
8.	Tempoh masa ujian teori KPP Gabungan?	1 jam 15 minit.

9.	Berapakah harga bayaran ulangan ujian komputer?	PERKARA		MOTOSIKAL	MOTOKAR	KPP GABUNGAN
		UJIAN KPP01 BERKOMPUTER	BILANGAN SOALAN UJIAN BERKOMPUTER	50 SOALAN	50 SOALAN	70 SOALAN
			MASA UJIAN UJIAN BERKOMPUTER	45 MINIT	45 MINIT	1 JAM 15 MINIT
			MARKAH LULUS UJIAN BERKOMPUTER	42 / 50	42 / 50	56 / 70
		HARGA UJIAN	HARGA UJIAN KPP01	RM 17 + 8% SST	RM 27 + 8% SST	RM 27 + 8% SST
			HARGA UJIAN ULANGAN	RM 17 + 8% SST		
10.	Adakah bab baru dalam KPP Gabungan akan dimasukkan dalam ujian KPP teori?	Ya, bagi menguji pemahaman mengenai etika dan tata kelakuan sebagai calon memandu.				
11.	Berapakah jumlah soalan dan markah lulus bagi ujian teori KPP Gabungan?	70 soalan dengan markah lulus 56/70				

D. LATIHAN AMALI

BIL.	SOALAN	JAWAPAN				
1.	Bagaimana struktur latihan bagi KPP Gabungan?	Tempoh Jam Lengkap Modul Latihan				
		Peringkat	Motosikal (jam)	Motokar (Ringan) (jam)	Motokar (Berat) (jam)	Jentera (Beroda/ Berantai) (jam)
		KELAS TEORI				
		Peringkat (KPP01)	6.0	6.0	-	-
		JUMLAH JAM	6.0	6.0	-	-
		LATIHAN PRAKTIKAL				
		Peringkat I Pra-L (Teori)	-	-	3.0	-
		Peringkat I Pra-L (Amali)	-	-	3.0	-
		Peringkat II (KPP02)	9.5	5.5	2.0	8.0
		Peringkat III (KPP03)	6.0	10.0	6.0	
		Peringkat IV (QTI)	0.5	0.5	2.0	-
		JUMLAH JAM	16.0	16.0	16.0	8.0
		JUMLAH KESELURUHAN JAM	22.0	22.0	16.0	8.0

2.	Apakah syarat minimum latihan KPP02 dan KPP03 sebelum boleh mengambil ujian praktikal?	• B/B2: 9.5 jam latihan litar + 6 jam jalan raya+ QTI 0.5 jam • DA/D: 5.5 jam latihan litar + 10 jam jalan raya+ QTI 0.5 jam
3.	Calon memohon kelas B/B2 dan D/DA semasa pendaftaran pada 29 Ogos 2025. Bagaimana kaedah pengajaran latihan memandu (KPP02 & KPP03) secara serentak bagi kedua-dua kelas lesen tersebut?	Kaedah latihan adalah seperti berikut: 1. Latihan amali kelas B/B2 = 9.5 (KPP02) + 6.0 (KPP03) + 0.5 (QTI) =16 jam 2. Latihan amali kelas D/DA = 5.5 (KPP02) + 10.0 (KPP03) + 0.5 (QTI) =16 jam. Pengajar SPIM hendaklah menyusun jadual latihan kepada calon mengikut jumlah jam yang telah di tetapkan dan memastikan tarikh matang LDL sebulan untuk mengambil ujian. Walau bagaimanapun, disyorkan jam masa latihan yang lama tidak membebankan calon kerana pihak JPJ menekankan hasil kualiti calon itu secara holistik.
4.	Adakah sesi latihan untuk motosikal dan kereta boleh dilakukan pada hari yang sama/ lain ?	Boleh, pengajar SPIM hendaklah menyusun jadual latihan kepada calon mengikut jumlah jam yang telah di tetapkan.
5.	Bolehkah saya memandu kereta atau menunggang motosikal di jalan raya dengan LDL tanpa pengajar?	Lesen Belajar Memandu (LDL) hanya dikeluarkan kepada seseorang calon belajar memandu suatu kenderaan untuk mendapatkan suatu lesen memandu. Oleh itu, LDL hanya boleh digunakan bagi tujuan pembelajaran di bawah pengawasan pengajar dan bukan digunakan di atas jalan raya bagi tujuan selain daripada belajar memandu.
6.	Adakah terdapat had tempoh untuk menyelesaikan latihan praktikal setelah mendapat LDL?	a) Dalam tempoh 2 tahun, pemegang LDL hendaklah menjalani latihan amali (KPP02 dan KPP03), praujian dan menduduki ujian kekompetenan memandu serta mendapatkan lesen memandu. b) Bagi calon yang tidak melengkapkan latihan KPP02/ KPP03 dalam masa 2 tahun akan menyebabkan LDL terbatal. Sekiranya LDL terbatal, calon perlu membeli buku KPP dengan nombor siri yang baru dan mengulangi semula kelas teori KPP dan lulus ujian KPP01.

E. SIJIL PENGAJAR INSTITUT MEMANDU (SPIM)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah spesifikasi pengajaran modul KPP?	i. Pengajar kelas teori KPP hendaklah terdiri daripada satu (1) orang atau dua (2) orang pengajar SPIM bertauliah dan mempunyai sijil KPP Motosikal dan sijil KPP Motokar. ii. Jumlah jam pengajaran tidak kurang dari 6 jam (tidak termasuk waktu rehat) merangkumi keseluruhan topik Modul KPP. iii. Pengajaran berterusan hendaklah tidak melebihi 2 jam tanpa rehat dan tempoh setiap waktu rehat hendaklah tidak kurang dari 15 minit. iv. Kehadiran calon hendaklah direkodkan oleh pihak Institut Memandu. Kehadiran maksimum dalam satu kelas adalah 50 orang dengan nisbah (1:50) sahaja. v. Pengajar digalakkan mempelajari bahasa isyarat atau apa-apa kaedah penyampaian kepada calon OKU. Calon OKU dibenarkan membawa bersama penterjemah bagi tujuan pembelajaran dalam kelas teori KPP Khas.

2.	Apakah kandungan kursus Teori KPP Gabungan?	Kandungan Modul KPP Gabungan hendaklah merangkumi seperti berikut: i. Bab 1 Pengenalan Lesen Memandu Malaysia (LMM) dan Tanda Isyarat Lalu Lintas ii. Bab 2 Kod Etika dan Tatakelakuan Pemandu iii. Bab 3 Teori Pemanduan Berhemah iv. Bab 4 Pemanduan Dalam Pelbagai Keadaan v. Bab 5 Komponen-Komponen Yang Perlu Diselenggara vi. Bab 6 Peralatan Keselamatan Dan Bantuan Kecemasan
3.	Bagaimana pemegang SPIM layak untuk menjadi penceramah kelas Teori KPP Gabungan?	Semua pengajar SPIM akan menghadiri Kursus Kurikulum Pedidikan Pemandu (KPP Gabungan) bagi pemegang SPIM yang mempunyai sijil KPP Motosikal dan KPP Motokar. Kursus ini akan ditawarkan oleh Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia.

***Sila log aduan sekiranya mempunyai Sebarang permasalahan:**

1. Prosedur : lesen.latihan@jpi.gov.my
2. Sistem : it.helpdesk@jpi.gov.my